

## **HARI MINGGU BIASA KE-28 (B)**

14<sup>th</sup> Oktober 2012 (Neo; Bombalai)

Kebijaksanaan 7:7-11; Mazmur 89 (90): 12-17. R/ v. 14; Ibrani 4:12-13

Markus 10:17-30

### **Tema: TERIKAT KEPADA KEKAYAAN ADALAH PENGHALANG KEPADA PEMURIDAN KRISTIAN**

1. Hari ini adalah Hari Minggu Biasa ke-28, Tahun Liturgi B. Injil hari ini memberitahu kita bahwa terikat kepada kekayaan adalah penghalang kepada pemuridan Kristian.(Fuller; Faley)

Injil hari ini memberitahu kita bahawa seorang lelaki yang kaya datang kepada Yesus untuk mencari kehidupan kekal. Dia adalah seorang lelaki yang baik kerana dia menuruti semua perintah-perintah Allah. Tetapi Yesus menyuruhnya supaya menjualkan semua harta miliknya dan memberikan wang itu kepada orang miskin dan mengikuti Yesus. Lelaki itu pergi dengan sedih sebab banyak hartanya. Dia tidak mengikuti Yesus dan menjadi pengikut Yesus. Dia terikat pada kekayaannya. Injil hari ini memberitahu kita supaya melepaskan kekayaan kita dan berkongsi kekayaan itu dengan orang miskin dan yang memerlukan dan mengikuti Yesus dan menjadi murid-Nya!

Injil juga memberitahu kita bahawa ia menjadi amat sukar bagi seorang lelaki kaya memasuki kerajaan Allah. Malah, adalah lebih mudah untuk seekor unta melalui lobang jarum daripada seorang kaya untuk memasuki kerajaan Allah! Sekali lagi, terikat kepada kekayaan adalah penghalang untuk memasuki kerajaan Allah. Sekali lagi, tinggalkanlah kekayaan kamu, berkongsi kekayaan kamu dengan orang miskin, dan masuklah ke dalam kerajaan Allah! Penyelamatan adalah mustahil bagi lelaki dan wang, penyelamatan hanya boleh terjadi untuk Allah!

Akhirnya, Injil memberitahu kita bahawa mereka yang telah melepaskan dirinya dari kekayaan dan keluarga dan mengikuti Yesus akan diberi ganjaran seratus kali lipat dengan rumah, saudara laki-laki, saudara perempuan, ibu-ibu, anak-anak dan dll.,sekarang dalam kehidupan ini dan juga pada kehidupan kekal didalam dunia akan datang! Iaitu, mereka akan diberi ganjaran dengan komuniti Kristian saudara lelaki dan saudara perempuan\_ibu, anak, yang mana mereka akan berkongsi bersama rumah, tanah dan harta mereka! Dan mereka juga akan di beri ganjaran dengan kehidupan kekal di surga!

2. Bacaan pertama mengikuti tema Injil. Bacaan pertama memberitahu kita supaya berdoa untuk kebijaksanaan dan bukan berdoa untuk kekayaan, kuasa, kesihatan, atau kecantikan. Apabila kita mempunyai kebijaksanaan kita akan tahu kehendak Allah dan semua perkara lain akan diberi kepada kita juga! Oleh itu, kita membaca dalam bacaan pertama:

“Namun demikian besertanya datang pula kepadaku segala harta milik dan kekayaan tak terhitung ada ditangganya.” (Keb 7:11; SM)

Solomon tidak berdoa untuk kekayaan, kuasa atau panjang umur, tetapi Solomon berdoa untuk kebijaksanaan dan Allah beri Solomon kebijaksanaan serta kekayaan, kemasyuran dan umur panjang! (1 Raj 3:5-15)

3. Mazmur antarbacaan menuruti tema bacaan pertama. Mazmur antarbacaan juga memberitahu kepada kita supaya berdoa untuk kebijaksanaan. (NJBC; CCB) Dengan itu ayat pertama di rangkap pertamanya:

“Ajarlah kami menghitung-hitung hari hidup kami, supaya kami beroleh budi yang arif.” (Mzm 89 (90): 12; SM)

Mazmur antarbacaan juga memberitahu kita supaya berdoa untuk kasih dan kebahagiaan. Dengan itu rangkap keduanya:

“Penuhilah kami dengan kasih setia-Mu waktu pagi, supaya kami bernyanyi gembira seumur hidup. Berilah kami kegembiraan seimbang dengan hari-hari penderitaan kami, seimbang dengan tahun-tahun kemalangan kami.” (Mzm 89 (90): 14-15; SM)

Dengan itu sahutan kepada Mazmur antarbacaan yang mana diambil dari rangkap kedua: “Penuhilah kami dengan kasih setia-Mu.” (Mzm 89 (90): 14; SM)

4. Bacaan kedua adalah amaran; amaran bahawa firman Allah adalah kedua-duanya penghakiman dan penyelamatan. (CSB) Sabda Allah adalah penghakiman bagi mereka yang tidak tabah dalam iman dan keselamatan bagi orang-orang yang sabar dalam iman. Ia tidak cukup untuk mempunyai iman. Kita perlu tabah dalam iman, terutamanya dalam masa-masa pencobaan, supaya firman Allah menjadi penyelamatan bagi kita!

5. Hari ini dalam Misa Kudus kita bersyukur kepada Allah Bapa kita karena Putera-Nya Yesus Kristus, yang menderita, mati dan bangkit dari kematian untuk memberi kita Roh Kudus; dan kita mohon kepada Allah melalui Putera-Nya Yesus Kristus supaya memberi kita Roh Kudus, supaya kita dapat melepaskan daripada kekayaan kita, berkongsi kekayaan kita dengan yang miskin dan yang memerlukan, dan mengikuti Yesus dan menjadi murid-Nya. Dan supaya kita akan mempunyai kebijaksanaan untuk mengetahui kehendak Allah. Kita juga memohon kepada Allah untuk membantu kita tabah hati dalam iman, terutama pada masa-masa ujian yang besar. Sukacita dan keriangannya Minggu kepada kamu semua!

Amen!

Cadangan soalan untuk renungan individu dan untuk perkongsian dalam keluarga, dalam kumpulan kecil dan dalam komuniti kecil:

1. Apakah kamu pengikut Yesus? Adakah kamu murid-murid Yesus?
2. Apakah kamu mempunyai kekayaan yang besar? Apakah kamu terikat atau terlepas daripada kekayaan kamu? Adakah kamu berkongsi kekayaan kamu dengan yang miskin dan yang memerlukan? Adakah kekayaan kamu menjadi penghalang kepada pemuridan Kristian?

3. Adakah kamu di beri ganjaran seratus kali lipat dengan rumah, tanah, saudara lelaki dan perempuan, ibu, anak-anak, dll., dalam komuniti Kristian?
4. Adakah kamu mempunyai iman? Adakah kamu tabah dalam iman, terutamanya pada masa ujian yang besar?
5. Adakah kamu berdoa untuk kebijaksanaan untuk mengetahui kehendak Allah atau kamu berdoa untuk kekayaan, kesihatan, kuasa dan kecantikan?

**Fr. Nicholas Ong, Holy Trinity Catholic Church (HTCC), Tawau, Sabah, Malaysia, 12<sup>hb</sup> Oktober 2012.**

**Laman Web (Homili yang ditaip dan homili dalam bentuk audi, dila layari):**  
<http://frnick.net>

**Rujukan: New Jerome Biblical Commentary (NJBC); Christian Community Bible (CCB); Catholic Study Bible (CSB); Sunday Missal (SM).**